



30 Mac 2023
30 March 2023
P.U. (A) 84

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH JALAN PERSEKUTUAN (MALAYSIA BARAT)
(PINDAAN) (NO. 3) 2023

*FEDERAL ROADS (WEST MALAYSIA) (AMENDMENT)
(NO. 3) ORDER 2023*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959

PERINTAH JALAN PERSEKUTUAN (MALAYSIA BARAT) (PINDAAN) (NO. 3) 2023

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 3 Akta Jalan Persekutuan 1959 [Akta 376], Menteri, setelah berunding dengan Kerajaan Negeri Johor, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) (No. 3) 2023**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 31 Mac 2023.

Pindaan Jadual Pertama

2. Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) 1989 [P.U. (A) 401/1989], yang disebut “Perintah ibu” dalam Perintah ini, dipinda dalam Jadual Pertama di bawah kepala Negeri Johor Darul Takzim—

(a) dengan menggantikan butiran 3 dengan butiran yang berikut:

“3. *(Laluan 3): Jalan Johor Bahru-Endau*

Bermula dari Johor Bahru di koordinat U 1.465550, T 103.761423 dan berakhir di sempadan negeri Johor dan negeri Pahang di koordinat U 2.656271, T 103.621901 termasuk jalan sambungannya di dalam sempadan hak lalu-lalang sebagaimana yang ditunjukkan dalam PETA 14: JALAN JOHOR BAHRU-ENDAU (jarak sepanjang 165.285 km).”;

(b) dengan menggantikan butiran 4 dengan butiran yang berikut:

“4. *(Laluan 5): Jalan Johor Bahru-Pontian-Batu Pahat-Muar-Melaka*

Bermula dari Johor Bahru di koordinat U 1.548067, T 103.656947 dan berakhir di sempadan negeri Johor dan negeri Melaka di koordinat U 2.124815, T 102.500851 termasuk jalan sambungannya di dalam sempadan hak lalu-lalang sebagaimana yang ditunjukkan dalam PETA 20: JALAN JOHOR BAHRU-PONTIAN-BATU PAHAT-MUAR-MELAKA (jarak sepanjang 178.620 km).”;


(c) dengan menggantikan butiran 6 dengan butiran yang berikut:

“6. *(Laluan 16): Jalan Lapangan Terbang Antarabangsa Senai*

Bermula dari persimpangan Laluan 1 di koordinat U 1.603148, T 103.646284 dan berakhir di koordinat U 1.634774, T 103.662788 termasuk jalan sambungannya di dalam sempadan hak lalu-lalang sebagaimana yang ditunjukkan dalam PETA 23: JALAN LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA SENAI (jarak sepanjang 4.655 km).”;

(d) dengan menggantikan PETA 14: JALAN JOHOR BAHRU-ENDAU dengan peta yang berikut:


“PETA 14: JALAN JOHOR BAHRU-ENDAU



”; dan

(e) dengan memasukkan selepas PETA 22: JALAN JOHOR BAHRU-GEMAS peta yang berikut:

“PETA 23: JALAN LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA SENAI



Pindaan Jadual Ketiga

3. Jadual Ketiga kepada Perintah ibu dipinda di bawah kepala Negeri Johor Darul Takzim—


(a) dengan menggantikan butiran 2 dengan butiran yang berikut:

“2. *Jalan Masuk Ke Stesen VHF Gunung Pulai, Kulai*

Bermula di koordinat U 1.592887, T 103.510358 dan berakhir di koordinat U 1.602104, T 103.546473 di dalam sempadan hak lalu-lalang sebagaimana yang ditunjukkan dalam PETA 3: JALAN MASUK KE STESEN VHF GUNUNG PULAI, KULAI (jarak sepanjang 5.743 km).”; dan

(b) dengan memasukkan selepas PETA 2: JALAN TAMAN AMAN peta yang berikut:

“PETA 3: JALAN MASUK KE STESEN VHF GUNUNG PULAI, KULAI



Dibuat 28 Mac 2023
[KKR.100-1/2/17; PN(PU2)391/Jld. 45]

DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
Menteri Kerja Raya

[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut seksyen 4 Akta Jalan Persekutuan 1959]

FEDERAL ROADS ACT 1959

FEDERAL ROADS (WEST MALAYSIA) (AMENDMENT) (NO. 3) ORDER 2023

IN exercise of the powers conferred by section 3 of the Federal Roads Act 1959 [Act 376], the Minister, after consultation with the State Government of Johore, makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Federal Roads (West Malaysia) (Amendment) (No. 3) Order 2023**.

(2) This Order comes into operation on 31 March 2023.

Amendment of First Schedule

2. The Federal Roads (West Malaysia) Order 1989 [*P.U. (A) 401/1989*], which is referred to as the “principal Order” in this Order, is amended in the First Schedule under the heading of Negeri Johor Darul Takzim—

(a) by substituting for item 3 the following item:

“3. (*Route 3*): *Johor Bahru-Endau Road*

Starting from Johor Bahru at coordinates N 1.465550, E 103.761423 and ending at Johore and Pahang state boundary at coordinates N 2.656271, E 103.621901 including its link road within boundaries of right of way as shown on MAP 14: JOHOR BAHRU-ENDAU ROAD (a distance of 165.285 km).”;

(b) by substituting for item 4 the following item:

“4. *(Route 5): Johor Bahru-Pontian-Batu Pahat-Muar-Melaka Road*

Starting from Johor Bahru at coordinates N 1.548067, E 103.656947 and ending at the border of Johore and Malacca state boundary at coordinates N 2.124815, E 102.500851 including its link road within boundaries of right of way as shown on MAP 20: JOHOR BAHRU-PONTIAN-BATU PAHAT-MUAR-MELAKA ROAD (a distance of 178.620 km).”;


(c) by substituting for item 6 the following item:

“6. *(Route 16): Senai International Airport Road*

Starting from the junction of Route 1 at coordinates N 1.603148, E 103.646284 and ending at coordinates N 1.634774, E 103.662788 including its link road within the boundaries of right of way as shown on MAP 23: SENAI INTERNATIONAL AIRPORT ROAD (a distance of 4.655 km).”;

(d) by substituting for MAP 14: JOHOR BAHRU-ENDAU ROAD the following map:


“MAP 14: JOHOR BAHRU-ENDAU ROAD



”; and

(e) by inserting after MAP 22: JOHOR BAHRU-GEMAS ROAD the following map:

“MAP 23: SENAI INTERNATIONAL AIRPORT ROAD



Amendment of Third Schedule

3. The Third Schedule to the principal Order is amended under the heading of Negeri Johor Darul Takzim—


(a) by substituting for item 2 the following item:

“2. *Access Road to Gunung Pulai VHF Station, Kulai*

Starting from coordinates N 1.592887, E 103.510358 and ending at coordinates N 1.602104, E 103.546473 within the boundaries of right of way as shown on MAP 3: ACCESS ROAD TO GUNUNG PULAI VHF STATION, KULAI (a distance of 5.743 km).”; and

(b) by inserting after MAP 2: TAMAN AMAN ROAD the following map:

“MAP 3: ACCESS ROAD TO GUNUNG PULAI VHF STATION, KULAI



Made 28 March 2023
[KKR.100-1/2/17; PN(PU2)391/Jld. 45]

DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
Minister of Works

[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to section 4 of the Federal Roads Act 1959]